

Muhyiddin hentikan meroyan - Ahmad Zahid

UM - 5/12/2022 mlb: 4

KUALA LUMPUR: Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin dilihat seolah-olah terus 'meroyan' dan lupa pelantikan Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya adalah atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, Muhyiddin perlu menghormati pelantikan itu namun tindakan beliau yang terus menimbulkan pertikaian menonjolkan keperibadiannya.

"Muhyiddin seolah-olah terus meroyan apabila gagal dilantik sebagai Perdana Menteri dan tidak sampai 24 jam Kabinet angkat sumpah, Muhyiddin menuduh pembentukan kerajaan dan Kabinet tertubuh atas penipuan terhadap mandat rakyat yang tidak mempunyai sebarang keabsahan untuk berfungsi sebagai badan eksekutif tertinggi negara.

"Muhyiddin lupa kuasa pelantikan Perdana Menteri ialah

atas kuasa Agong yang diperuntukkan di bawah Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, Ahli Parlimen Pagoh itu serta sekutunya perlu berasa malu kerana dilihat terlalu gilakan kuasa hingga sanggup mempertikai keputusan institusi raja-raja Melayu.

"Mereka perlu mencontohi DAP yang lebih mementingkan kepentingan negara daripada kepentingan parti dan individu, bergerak ke hadapan demi menjayakan Kerajaan Perpaduan yang dicadangkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

"Muhyiddin dan sekutunya perlu belajar menjadi pembang- kang yang berwibawa.

"Kerajaan ini bukan kerajaan Pakatan Harapan tetapi adalah Kerajaan Perpaduan hasil daripada gabungan parti terbesar dan parti-parti kecil lain yang memenangi pilihan raya umum untuk membina negara," ka- tanya.